

MDCA jana RM564j

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak berkata, Gabungan Pusat Data Malaysia (MDCA) berupaya menjana pendapatan antara RM292 juta hingga RM564 juta untuk ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata demikian dalam akaun Twitter beliau, semalam.

Dua hari lalu, Kementerian Komunikasi dan Multimedia melancarkan MDCA iaitu hab data serantau pertama di negara ini.

Menterinya Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, MDCA adalah kemudahan penyimpanan data secara berpusat untuk individu dan syarikat di negara ini diendalikan swasta.

Dalam tweet beliau semalam, Najib mengucapkan syabas kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kerana memenangi dua pingat emas dalam penyertaan sulung di British Invention Show (BIS), di London, baru-baru ini.

Tweet itu turut mempunyai pautan pada artikel disiarkan Bernama bertajuk, 'USIM Menang Dua Pingat Emas Di British Invention Show'.

USIM menang 'Best Invention Award of The Year' dan 'British Invention of The Year' bagi produk perisa tambahan makanan daripada rebung. - BERNAMA